

Pengundi Kedah perlu bijak pilih tawaran manifesto terbaik

- Manifesto populis tidak mampu ditunaikan kerajaan negeri melainkan bekerjasama baik dengan Kerajaan Persekutuan atau kerajaan wujud di Kedah adalah Kerajaan Perpaduan sama seperti di Persekutuan

- Kemakmuran dan Kehebatan Kedah yang sebenar boleh diwujudkan untuk manfaat bersama hanya menerusi tawaran Perpaduan daripada gabungan MADANI PH-BN di Kedah



Profesor Pusat
Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia
(UUM)

Saya mengikuti perjalanan Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah dengan dekat. Selepas seminggu sejak hari penamaan calon pada 29 Julai lalu, saya melihat betapa berkocaknya politik Kedah.

Jelas sekali perbalahan dalam kem Perikatan Nasional (PN), terutama di Langkawi dan Jerlun mula menjejaskan perhubungan antara PAS dengan BERSATU. Malah, insiden di negeri jiran seperti Pulau Pinang, Presiden GERAKAN, Datuk Dominic Lau dilayan tidak selayaknya dan dihalang hadir ke salah satu kempen

oleh PAS menyebabkan rakyat mula bimbang bahawa PN dilihat tidak mampu mewujudkan kerajaan stabil di Kedah mahupun Pulau Pinang.

Ini merisaukan peniaga, pelabur dan belia terhadap kemungkinan situasi politik kurang stabil di bawah kepimpinan PN sekiranya menang pilihan raya. Namun, kali ini saya lebih tertarik membincangkan tawaran akan diutarakan kedua-dua gabungan, iaitu PN dan Perpaduan, iaitu Pakatan Harapan (PH) - Barisan Nasional (BN) di Kedah.

Kedua-dua gabungan mengemukakan manifesto. PH-BN paling awal mengumumkan manifesto pada 27 Julai lalu berbanding PN pada 2 Ogos. Ketua Setiausaha PH, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata manifesto ditawarkan bersifat komprehensif, realistik, munasabah dan boleh dilaksanakan.

Pengerusi Bersama Majlis Pimpinan Perpaduan Negeri Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid menjelaskan empat teras digariskan antaranya réformasi politik dan tadbir urus telus; pembangunan dan pengurusan ekonomi progresif; pembangunan sosial harmoni serta pengurusan sumber hasil bumi mampan. Terdapat kerjasama baik antara PH dengan BN untuk merealisasikan manifesto ini sekiranya terpilih menjadi kerajaan.

Sementara itu, manifesto PN menawarkan 17 perkara untuk dilaksanakan di Kedah sekiranya gabungan berkenaan terus diberi mandat oleh rakyat bagi mentadbir negeri. Persoalannya, tawaran mana sama ada Perpaduan atau PN lebih realistik untuk penduduk Kedah?

Mari kita tengok manifesto PN dahulu.

- **Pertama:** Faktor Kehebatan Kedah *Greater Kedah* dibangkitkan. Nampak menarik, namun apa dimaksudkan frasa itu? Ia tidak pernah dijelaskan.

Dalam artikel diterbitkan *Berita PAS* bertajuk 'The Greater Kedah, Suatu Legasi Kedah Era Baharu YAB Menteri Besar' pada 20 April 2023 menjelaskan Kehebatan Kedah meliputi pelaburan besar dan meneruskan projek sebelum ini yang seme-

mangnya dimulakan khususnya BN serta diikuti Pakatan Rakyat (PR) dan PH sebelum ini. Persoalan sepanjang pentadbiran PN di Kedah sejak Langkah Sheraton pada 2020, tidak menunjukkan apa-apa perkara baharu dikemukakan dan dilaksanakan.

● Kedua: Tawaran PN juga mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan berdaya saing dalam tempoh 30 tahun melalui pelaburan dan pelaksanaan projek berimpak tinggi termasuk projek sudah dirancang seperti Bandar Raya Getah Kedah (KRC), Kedah Aerotropolis (KXP) dan Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP).

Persoalannya, kenapa 30 tahun walhal manifesto ini untuk 5 tahun akan datang sebelum Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16). Ini tidak praktikal.

PN cuba menarik pelaburan domestik dan antarabangsa dengan pelbagai projek berimpak tinggi dengan sasaran RM10 bilion setahun seperti digariskan dalam Pelan Kedah 2035. Sedar atau tidak, matlamat ini tidak realistik dan tidak akan tercapai oleh hanya kerajaan negeri.

Ini kerana projek pelaburan diumumkan seperti KRC, KXP dan KHTP serta pelaburan domestik dan asing adalah projek Kerajaan Persekutuan di bawah Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, bukannya kerajaan negeri.



dalam isu perlombongannya, ia menjadikan isu itu menjadi krisis yang perlu diuruskan secara bijak-sana oleh kerajaan bakal terbentuk nanti.

Isu ini membabitkan Menteri Besar kerajaan PN, jadi kebimbangan timbul mengenai tadbir urus negeri baik dapat diwujudkan di Kedah sekiranya terus diterajui PN.

Manifesto Perpaduan

Melihat manifesto Perpaduan pula, mereka tidak janjikan suatu sukar dilaksanakan dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan negeri dan bantuan bakal diberikan Kerajaan Persekutuan.

Misalnya untuk isu tata kelola, PH-BN mahu mewujudkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Kedah (PAC) dipengerusikan Ketua Pembangkang, menyusun semula dan memperkemaskan agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) agar lebih kompeten serta berdaya saing, selain memberi pulangan kepada kerajaan negeri dan pengisytiharan harta Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kepada DUN dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap dua tahun.

Selain itu, PH-BN bercadang lahirkan 1,000 agropreneur (usahawan petani) muda untuk mengangkat bidang pertanian sebagai satu sumber pendapatan mapan dan menguntungkan. Malah, Kedah akan menjadi Lembah Keterjaminan Makanan Negara, termasuk Jelapang Padi Kedah sebagai Bank Beras Negara.

Dengan bantuan Kerajaan Persekutuan, pelaburan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ditingkatkan, termasuk di KRC dan KHTP yang turut membabitkan Zon Ekonomi Sempadan Khas di Bukit Kayu Hitam dan KRC di Padang Terap.

Zon WiFi di setiap daerah ingin diwujudkan, selain Pusat Kanser Negara, naik taraf 5 Loji Rawatan Air Pelubang, Pendang, Bukit Selambau, Sungai Limau dan Lubuk Buntar Lama serta Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Semua ini mampu direalisasikan dengan kerjasama baik antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Melihat keadaan ini, pengundi Kedah perlu bijak menilai tawaran mana lebih baik dan realistik untuk dilaksanakan. Selepas meninjau kedua-dua manifesto, jelas sekali manifesto Perpaduan daripada PH-BN lebih realistik untuk dilaksanakan. Kemakmuran dan Kehebatan Kedah yang sebenar boleh wujud untuk manfaat bersama hanya menerusi tawaran Perpaduan daripada gabungan MADANI PH-BN di Kedah.

“Melihat kepada keadaan ini, pengundi Kedah perlu bijak menilai tawaran mana lebih baik dan realistik untuk dilaksanakan”

Ini jelas manifesto populis tidak mampu ditunaikan kerajaan negeri melainkan ia bekerjasama baik dengan kerajaan Persekutuan atau kerajaan yang wujud di Kedah adalah Kerajaan Perpaduan sama seperti di Persekutuan.

Tawaran pertama dalam manifesto PN juga menekankan untuk meneguhkan tadbir urus negeri profesional dan berintegriti dengan menekankan keadilan serta kesejahteraan semua kaum, selain mempertahankan hak dan bidang kuasa kerajaan negeri, seperti termaktub dalam Perlembagaan.

Yang jelas, dengan kewujudan isu nadir bumi kini di Sik, sekiranya benar ada isu tata kelola

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH